

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(PEMILIHAN KESATUAN PELAJAR-PELAJAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BAGI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR) (PINDAAN) 2021**

Suatu Peraturan-Peraturan untuk meminda Peraturan-Peraturan Universiti Putra Malaysia (Pemilihan Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti Putra Malaysia Bagi Majlis Perwakilan Pelajar) 2019.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subsesyen 57(2) Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 448/2010], Lembaga membuat Peraturan-Peraturan berikut:-

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Putra Malaysia (Pemilihan Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti Putra Malaysia Bagi Majlis Perwakilan Pelajar) (Pindaan) 2021 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 hari bulan Mac 2021.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Peraturan-Peraturan Ibu” ertinya Peraturan-Peraturan Universiti Putra Malaysia (Pemilihan Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti Putra Malaysia Bagi Majlis Perwakilan Pelajar) 2019.

## **BAHAGIAN II**

### **PINDAAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN IBU**

#### **Pindaan Kepada Peraturan-Peraturan Ibu**

**3. Peraturan-Peraturan Ibu dipinda seperti berikut:-**

(a) memasukkan selepas tafsiran perkataan “Penolong Ketua Pusat Penjumlahan Undi” dalam Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Ibu, perenggan berikut:

“peranti elektronik” ertinya peranti yang boleh mengakses sistem e-kertas undi yang disediakan dalam laman sesawang atau portal tertentu yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP seperti telefon bimbit atau komputer riba,”;

(b) meminda tafsiran “e-undi” dalam Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Ibu, seperti berikut:

“e-undi” ertinya sistem pemilihan MPP yang dijalankan secara elektronik yang boleh diakses melalui laman sesawang atau portal tertentu yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP melalui komputer undi atau peranti elektronik”;

(c) memasukkan selepas tafsiran perkataan “MPP sedia ada” dalam Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Ibu, perenggan berikut:

“Papan Notis Rasmi Universiti” ertinya papan notis rasmi di dalam kampus atau dalam laman sesawang atau media sosial rasmi Universiti,;

(d) meminda tafsiran “Pusat Pengundian” dalam Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Ibu, seperti berikut:

“Pusat Pengundian” ertinya suatu kawasan termasuk apa-apa laman sesawang atau portal tertentu yang ditentukan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP untuk pengundian,;”

(e) menggantikan keseluruhan subperaturan 29(3) Peraturan-Peraturan Ibu, seperti berikut:

“29(3) Seorang ahli Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti yang hendak mengundi hendaklah:

(a) mengemukakan sama ada secara fizikal atau virtual kad pelajaranya yang sah; atau

(b) menggunakan nama pengguna dan kata laluan yang didaftarkan dengan Universiti;

yang menunjukkan status ahli kesatuan itu sebagai pelajar berdaftar Universiti sebelum dia dibenarkan mengundi.”;

(f) menggantikan keseluruhan subperaturan 32(1)(a) Peraturan-Peraturan Ibu, seperti berikut:

“(a) menjalankan apa-apa bentuk kempen pada hari pengundian sama ada bercetak atau lisan dan dalam talian melalui aplikasi media sosial;”

(g) menggantikan keseluruhan subperaturan 34(2) Peraturan-Peraturan Ibu, seperti berikut:

“(2) Pengundian secara e-undi boleh dibuat dengan menggunakan komputer undi atau peranti elektronik.”

(h) memasukkan selepas perkataan “memasuki”, dan sebelum perkataan “pusat pengundian” dalam Peraturan 34(8)(a), perkataan “atau mengakses”;

(i) menggantikan nota bahu Peraturan 35 Peraturan-Peraturan Ibu kepada **“Komputer Pelayan, Komputer Undi dan Peranti Elektronik”**;

(j) memasukkan selepas subperenggan 35(2)(b) subperenggan berikut:

“(c) komputer pelayan dan komputer undi di pusat pengundian boleh diakses dalam talian oleh ahli Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti.”

(k) menggantikan keseluruhan subperaturan 35(3) Peraturan-Peraturan Ibu seperti berikut:

“Jawatankuasa Audit Pemilihan MPP hendaklah memperakukan—

(a) kesahihan komputer pelayan dan komputer undi di pusat pengundian;  
dan

(b) kebolehcapaian dalam talian sistem sistem kertas e-undi oleh ahli Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti melalui peranti elektronik bagi tujuan pengundian;

setelah berpuas hati bahawa peruntukan subperaturan 35(2)(a) dan (b) dipatuhi.”

(l) menggantikan keseluruhan subperaturan 35(5) Peraturan-Peraturan Ibu, seperti berikut:-

“(5) Ketua Pusat Pengundian hendaklah mematikan komputer pelayan dan komputer undi dan memastikan bahawa laman sesawang atau portal tertentu yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP tidak lagi boleh diakses

dalam talian oleh mana-mana peranti elektronik selepas tamat tempoh pengundian.”

Dibuat 16 Mac 2021

[Minit LPU 150/21]

[UPM/PPUU/100-1/1/4/MPP]

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Syed Putra Jamalullail', with a stylized flourish at the end.

**YAM TENGGU SYARIF LAKSAMANA PERLIS DATO' SERI DIRAJA SYED RAZLAN**

**SYED PUTRA JAMALULLAIL**

*Pengerusi Lembaga Pengarah  
Universiti Putra Malaysia*